

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Jualan Sisa hanya boleh ditawarkan kepada syarikat sahaja dan tidak boleh ditawarkan kepada orang perseorangan.
2. Penyebutharga yang berminat meyertai tawaran sebutharga ini sila kemukakan dokumen berikut :-
 - i. Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-28
 - ii. Salinan sijil Kementerian Kewangan yang masih sahlaku dan kod bidang :
221901 – Membeli Barang Lusuh (Tanpa Permit) atau
221902 – Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit)
 - iii. Surat Akuan Pembida (Lampiran F)
3. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (**as-is-where-is basis**).
4. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
5. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM5,000.00** mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk **Wang Pos** atau **Deraf Bank** sahaja atas nama **Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor**.
6. Tawaran tanpa / kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
7. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
8. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **7 hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan PPAS berhak untuk melupuskan aset tersebut.
11. Bayaran penuh hendaklah dibayar dalam bentuk **Wang Pos** atau **Deraf Bank** sahaja atas nama **Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor**.